


Syarahan Penyelidikan 2011



Satu siri Syarahan Penyelidikan telah dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari, Jabatan Canselori dengan kerjasama Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan baru-baru ini.

Syarahan Penyelidikan ini disampaikan oleh Profesor Madya Murray Hunter pada 24 Mac 2011, bertempat di Dewan Keikhlasan. Syarahan yang bertajuk 'Essential Oils : Art, Agriculture, Science, Industry and Entrepreneurship (A Focus on the Asia-Pacific Region)' telah berjaya menarik lebih 60 penyertaan dari kalangan penyelidik, staf akademik, pelajar pasca ijazah dan jemputan luar dari Kilang Shourubber (M) Sdn. Bhd, UiTM Perlis dan Kedah Bio Corporation, Kulim High Tech Park.

Dalam syarahannya, Profesor Madya Murray telah menyentuh tentang kepentingan Minyak Astri untuk pelbagai kegunaan sama ada industri, pertanian, perniagaan, bidang pemakanan, farmaseutikal, ubatan tradisional dan persolekan.

Kepelbagaian dan keunikan Minyak Astri ini telah terhasil dari pelbagai penyelidikan yang telah dijalankan selama lebih 30 tahun. Rantau Asia Pasifik dikenalpasti berpotensi besar untuk menjana pertumbuhan penyelidikan berasaskan bahan pertanian untuk digunakan dalam pelbagai bentuk barangan pengguna yang lain. Syarahan penyelidikan ini diharap dapat memberi pendedahan tentang kepentingan bidang penyelidikan pertanian berasaskan bioteknologi terutama kepada penyelidik muda.

Sumber : Unit Pembangunan Lestari

